



## **Crockfords Raih Pengiktirafan Kedudukan Tiga Teratas Buat Julung Kali dalam Kategori “Resort Pantai, Pulau dan Tanah Tinggi Terbaik di Malaysia” di Travel + Leisure Luxury Awards Asia Pacific 2025**

**Genting Highlands, 11 Julai 2025** – Hotel Crockfords, hotel mewah terkemuka di Resorts World Genting (RWG), mencipta sejarah setelah dinobatkan dalam kedudukan tiga teratas bagi kategori “Resort Pantai, Pulau dan Tanah Tinggi Terbaik di Malaysia” dalam *Travel + Leisure Luxury Awards Asia Pacific 2025* yang berprestij. Pencapaian ini adalah pengiktirafan julung kali diterima oleh Crockfords, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju dalam industri hospitaliti mewah di Malaysia. Menambah kepada kejayaan ini, RWG turut meraih kedudukan lapan teratas dalam kategori “Resort Bersepadu Terbaik”, sekali lagi membuktikan RWG sebagai antara destinasi gaya hidup paling komprehensif dan ternama di rantau ini.

Sebagai peneraju kemewahan eksklusif di RWG, Crockfords dikenali melalui layanan yang profesional dan berperibadi, keanggunan yang terserlah, serta gaya elegan. Setiap perincian hotel ini direka dengan penuh ketelitian bagi menampilkan standard hospitaliti bertaraf dunia, sekali gus menawarkan pengalaman penginapan yang eksklusif dan penuh keselesaan kepada para tetamu.

*Travel + Leisure Luxury Awards Asia Pacific 2025*, yang berlangsung baru-baru ini di Bangkok, merupakan salah satu bentuk pengiktirafan paling berprestij di rantau ini yang meraikan kecemerlangan dalam bidang hospitaliti, pelancongan dan gaya hidup. Para pemenang dipilih melalui gabungan undian pembaca global serta penilaian oleh panel editorial berpengalaman, bagi menyerlahkan destinasi, hotel dan resort terbaik di seluruh Asia Pasifik.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari aras laut di kawasan tanah tinggi yang sejuk dan menyegarkan, Crockfords menyatukan elemen kemewahan yang tenang dengan rekaan dalaman yang elegan dan penuh gaya. Diilhamkan daripada keanggunan rumah bandar klasik London, rekaan dalamannya mencipta suasana mewah yang penuh cita rasa. Sebaik sahaja tetamu melangkah masuk ke lobi yang dihiasi arca pokok emas mengagumkan serta marmar berkilat, mereka disambut dengan panorama reka bentuk yang menawan dan keselesaan bertaraf tinggi.

Hotel ini menawarkan pilihan penginapan eksklusif yang direka dengan penuh ketelitian, merangkumi vila peribadi, suite utama berkonsepkan tema tersendiri, junior suite dan bilik superior. Direka khusus bagi memenuhi keperluan pelancong santai mahupun korporat, hotel ini menjadi destinasi percutian ideal untuk individu dan juga pilihan mesra keluarga bagi mereka yang ingin

meneroka pelbagai tarikan di RWG, termasuk Taman Tema Genting SkyWorlds, pengalaman kulinari mewah serta aktiviti beli-belah eksklusif.

“Kami amat berbesar hati atas pengiktirafan yang diberikan oleh para pembaca Travel + Leisure. Kemenangan sulung ini amat bermakna kepada Crockfords, apatah lagi ia diraikan bertepatan dengan sambutan ulang tahun ke-60 kami,” kata Spencer Lee, Naib Presiden Eksekutif Jualan, Pemasaran dan Perhubungan Awam, RWG. “Pengiktirafan ini mencerminkan dedikasi berterusan serta semangat tidak berbelah bahagi pasukan kami dalam menyampaikan pengalaman hospitaliti bertaraf dunia kepada setiap tetamu. Kami mengalu-alukan orang ramai untuk mengunjungi laman web, aplikasi mudah alih atau saluran media sosial rasmi kami bagi menerokai pelbagai promosi istimewa sempena ulang tahun ini. Nikmatilah pengalaman ini sepenuhnya, kerana anda sememangnya layak untuk menikmatinya.”

Untuk maklumat lanjut mengenai Crockfords serta perkembangan terkini daripada RWG, sila layari [rwgenting.com](http://rwgenting.com).

-Tamat-

**Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:**

**Ms Michelle Wong**

Manager  
Social Commerce and Public  
Communication  
Genting Malaysia Berhad  
Tel: (603) 6105 9608  
Email: [michelle.wong@rwgenting.com](mailto:michelle.wong@rwgenting.com)

**Ms Shannen Ng**

Executive  
Social Commerce and Public  
Communication  
Genting Malaysia Berhad  
Tel: (603) 6105 9362  
Email: [shannen.ng@rwgenting.com](mailto:shannen.ng@rwgenting.com)

**Mengenai Genting Malaysia**

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60

Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.